



UNIVERSITI AL-QURAN
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH PAHANG
جامعة القرآن للسلطان عبد الله أحمد شاه بيهانج
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH QURANIC UNIVERSITY OF PAHANG



PERATURAN PERATURAN PELAJAR

**UNIVERSITI AL-QURAN AL-SULTAN ABDULLAH
AHMAD SHAH PAHANG**

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

(a) Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UNIQSAAS) (yang selepas ini disebut Universiti) merupakan institusi pengajian tinggi swasta yang dimiliki oleh Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. Ia merupakan saluran utama kepada pelajar-pelajar, khususnya para pelajar lulusan sekolah menengah agama untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

1.2 OBJEKTIF UNIVERSITI

- (a) Menyediakan program pengajian berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang berkualiti dan relevan dengan keperluan ummah.
- (b) Meningkatkan profesionalisme dan kualiti tenaga akademik melalui program pembangunan berteraskan nilai-nilai al-Quran, kepakaran ilmiah dan amalan pendidikan lestari bagi memperkukuh kecemerlangan institusi.
- (c) Menjadikan pusat penyelidikan dan rujukan unggul dalam bidang al-Quran yang memacu pengembangan ilmu, pembinaan pemikiran dan peradaban ummah.
- (d) Menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif, berteraskan teknologi semasa dan nilai Islamik untuk menyokong keberkesanan pembelajaran pelbagai bidang secara integratif.
- (e) Membina keupayaan intelektual pelajar untuk menggarap hikmah al-Quran secara inovatif, selaras dengan konsep pemikir Qurani (Mufakkir Qurani).

1.3 NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN

- (a) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Pelajar Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (Pindaan 2026).
- (b) Peraturan-peraturan hendaklah mula berkuatkuasa mulai 6 Mac 2026
- (c) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mengikuti program pengajian di Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (yang selepas ini disebut pelajar).

1.4 TAFSIRAN

- a) Jenayah merujuk kepada apa-apa kesalahan jenayah sivil dan kesalahan jenayah syariah yang dikuatkuasakan di Malaysia.

BAHAGIAN	I	TATATERTIB AM
Syarat-syarat Am	1	Pelajar- Pelajar mestilah: - Memiliki dan membawa kad matrik pelajar pada setiap masa - Mempamerkan kad matrik pelajar pada bahagian dada, pada masa rasmi dan dalam majlis rasmi - Melaksana dan mematuhi semua peraturan agama Islam dan undang-undang negara sama ada di dalam dan di luar Universiti - Mematuhi mana-mana peraturan bertulis yang ditetapkan termasuk pindaan peraturan sedia ada.
Larangan Am	2	Pelajar adalah dilarang: - meninggalkan solat fardu serta Solat Jumaat (khusus bagi pelajar lelaki); - melanggar atau melakukan apa-apa perbuatan, termasuk cubaan yang berunsur jenayah, atau melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar Universiti; - melanggar mana-mana undang-undang agama serta budaya sesuatu masyarakat, sama ada di dalam atau di luar Universiti; - mengadakan sebarang aktiviti atau program semasa waktu solat mengikut waktu solat semasa; - menjalankan sebarang urusan, sama ada di dalam atau di luar Universiti, yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan, atau nama baik dan reputasi agama Islam, institusi diraja, bangsa, Universiti, atau mana-mana pelajar, kakitangan atau pegawai, atau yang boleh menjejaskan ketenteraman, keselamatan awam, moral, kesopanan dan tatatertib; - mengelola atau dengan apa-apa cara mengganggu, atau menyebabkan terganggunya kelancaran apa-apa aktiviti yang dijalankan atas arahan atau dengan kebenaran pihak berkuasa Universiti; - menahan, menghalang, atau menyebabkan mana-mana pegawai atau individu (termasuk pelajar) yang bertindak atas arahan atau kebenaran pegawai daripada menjalankan kewajipan atau tugasnya; - mencederakan atau membunuh, atau menyebabkan kecederaan atau kematian ke atas mana-mana pelajar, kakitangan Universiti atau orang awam, sama ada di dalam atau di luar Universiti; - menahan, menghalang, atau menyebabkan mana-mana pelajar daripada menghadiri sebarang aktiviti akademik atau majlis rasmi Universiti; - menganjurkan, menghasut, memprovokasi atau menyertai pemulauan terhadap mana-mana aktiviti akademik atau majlis rasmi Universiti; - merosakkan atau menyebabkan kerosakan terhadap mana-mana harta benda milik Universiti, kakitangan atau pelajar; - mengubah, mengalih, menyusun atau merosakkan apa-apa benda, objek atau barang, atau melakukan atau menyebabkan sesuatu perbuatan yang boleh mengakibatkan halangan,

		kesusahan, kekusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana pihak; m) melanggar peraturan atau gagal mematuhi mana-mana arahan atau kehendak kakitangan Universiti berkaitan penggunaan kemudahan Universiti; n) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan Universiti; o) menggunakan atau menyebabkan digunakan mana-mana bahagian atau bangunan Universiti, termasuk tempat tidur, selain daripada yang dibenarkan oleh pihak Universiti; dan p) memasuki mana-mana bahagian Universiti yang telah ditetapkan sebagai kawasan larangan atau kawasan larangan terhad.
Larangan-larangan Khusus	3	Pelajar adalah dilarang: (a) Menganjur, mengurus, mengendalikan atau membantu dalam menganjur, mengurus, mengendalikan atau menyertai semua bentuk perjudian di dalam atau di luar Universiti (b) Meminum, mengedar atau ada dalam simpanannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras atau bekas simpanannya di luar atau di dalam Universiti (c) Merokok, mengedar atau ada dalam simpanannya atau di bawah jagaannya apa-apa jenis rokok, vape dan seumpamanya atau bekas simpanannya seperti dinyatakan dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024. (d) Memiliki dadah atau ada di bawah jagaannya atau mengedar atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam tubuh badannya dengan jalan suntikan atau dengan apa-apa jua cara kecuali di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, Akta Racun 1952 dan Akta Dadah Berbahaya 1952 (e) Memiliki atau ada di dalam simpanannya atau mengedar atau menonton atau mendengar apa-apa bahan lucah di dalam dan di luar Universiti (f) Mengunjungi mana-mana tempat maksiat seperti disko, rumah urut, pusat perjudian dan tempat-tempat lain yang boleh disifatkan sebagai tempat maksiat (g) Melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral seperti berkhawat, berzina, perlakuan seks luar tabii, perbuatan LGBT, bersekedudukan, mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah, menawarkan apa-apa khidmat yang menjurus kepada perlakuan khalwat atau zina serta yang seumpama dengannya atau sebarang salah laku sedemikian di dalam dan di luar Universiti (h) Melakukan atau menyertai atau menganjurkan dalam apa-apa bentuk aktiviti yang mendera secara fizikal, mental, <i>cyberbully</i> atau emosi seperti membuli, memukul, memaki hamun, memulaukan, mengugut atau perbuatan-perbuatan lain yang boleh disifatkan sebagai aktiviti mendera kepada mana-mana pelajar (i) Memiliki atau ada di bawah jagaan atau mengedar apa jua yang boleh disifatkan atau digunakan sebagai senjata yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian di dalam atau di luar Universiti

		(j) Membawa masuk atau ada di dalam simpanannya atau mengguna alat-alat elektrik atau elektronik tanpa kelulusan pihak berkuasa Universiti (Rujuk Jadual 1) (k) Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri atau bersubahat kepada kegiatan tersebut (l) Menyembunyikan status perkahwinan daripada pihak berkuasa Universiti (m) Melanggar apa jua peraturan dan arahan bertulis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Universiti
Tidak Dibenarkan Bergabung Dengan Mana-Mana Persatuan, Parti Politik Tanpa Kebenaran Universiti	4	(a) Tiada seseorang pelajar, persatuan, badan atau kumpulan pelajar boleh dengan apa sahaja menjadi ahli bergabung dengan mana-mana persatuan parti politik, kesatuan pekerja, atau pertubuhan luar; (b) Tiada sesuatu persatuan, badan atau kumpulan pelajar dengan apa cara bersekutu dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan atau mana-mana orang ; (c) Tiada seseorang pelajar, badan atau kumpulan pelajar Universiti boleh menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh disifatkan sebagai menyokong, bersimpati atau menentang mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan ; (d) Seseorang pelajar mestilah memaklumkan keahlian atau jawatan yang disandang di dalam mana-mana pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Universiti (e) Seseorang pelajar yang telah menjadi ahli mana-mana pertubuhan atau persatuan mestilah menggugurkan semua keahliannya sebelum mendaftar dengan Universiti dalam sebulan dari tarikh pendaftaran ; Semua aktiviti di para (a), (b), (c) dan (e) adalah tertakluk kepada kebenaran daripada pihak berkuasa Universiti
Mengadakan Kutipan Derma	5	Tiada seseorang atau kumpulan pelajar di dalam atau di luar Universiti boleh mengutip atau menyebabkan pengutipan atau menganjurkan apa jua kutipan derma tanpa kebenaran bertulis pihak Universiti.
Tidak Dibenarkan Mengadakan Aktiviti Dengan Orang Luar Tanpa Kebenaran Pihak Universiti	6	Pelajar adalah dilarang: (a) Menganjur atau menghadiri apa-apa aktiviti atau perhimpunan awam, kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak berkuasa Universiti (b) Menganjur atau menghadiri mana-mana aktiviti yang melibatkan orang luar di dalam dan di luar Universiti kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak berkuasa Universiti (c) Menganjur atau melibatkan diri dalam apa-apa bentuk aktiviti yang melibatkan pelajar baru kecuali aktiviti-aktiviti rasmi yang diaturkan oleh pihak Universiti.
Menerbit, Mengedar, Ada Dalam Miliknya Dokumen Dan Sebagainya	7	a) Tiada seseorang pelajar boleh menerbit atau ada dalam miliknya apa-apa dokumen, sepanduk, pelek, poster, lambang atau lain-lain alat dan cara yang boleh menggalakkan perbuatan-perbuatan melanggar tata tertib, kekacauan, keingkaran atau dan pelanggaran terhadap peraturan ini b) Mana-mana pelajar tidak boleh memuatnaik dan berkongsi apa-apa perkara di mana-mana medium dengan tujuan penyebaran

		yang boleh mencemarkan nama dan reputasi agama Islam, institusi diraja , bangsa dan Universiti
Tanggungjawab Pelajar Terhadap Harta Benda Universiti	8	(a) Setiap pelajar bertanggungjawab atas keselamatan harta benda Universiti. Mana mana pelajar yang merosakkan atau menyebabkan kerosakan atas harta benda atau kawasan Universiti atau mana mana barang atau kelengkapan Universiti telah melakukan kesalahan disiplin. Universiti berhak menuntut ganti rugi berdasarkan harga pasaran semasa tanpa sebarang notis ; (b) Sekiranya tiada sebarang pengakuan atau kerjasama daripada pelajar, tertakluk kepada perenggan (a) pihak Universiti berhak mendakwa kerosakan dari semua pelajar yang tingkat dan blok yang sama.
Tuduhan Atas Perbuatan Jenayah	9	(a) Seseorang pelajar yang dituduh melakukan atas mana-mana kesalahan jenayah dan jenayah syariah hendaklah digantung pengajian sehingga selesai perbicaraan; (b) Seseorang pelajar akan disingkirkan dari Universiti serta merta sekiranya tuduhan atas dirinya disabit bersalah dari segi undang-undang. (c) Sekiranya tidak disabitkan hukuman bersalah, pelajar dibenarkan menyambung pengajian dengan budi bicara pihak berkuasa Universiti.
Gangguan Seksual	10	(a) Tiada seorang pun pelajar boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain , sama ada di dalam Universiti atau di luar Universiti (b) Pelakuan sesuatu perbuatan seksual kepada orang lain tidak terhad kepada pelakuan perbuatan itu di dalam Universiti , selagi pelakuan itu merosakkan atau mencemarkan nama baik Universiti (c) Bagi maksud kaedah ini , ‘gagguan seksual’ mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]
Kegagalan Mematuhi Arahan	11	Sekiranya seseorang pelajar enggan bekerjasama mematuhi atau tidak mematuhi mana-mana arahan pegawai Universiti, pelajar tersebut dianggap bersalah di bawah peraturan-peraturan ini.
Pergaulan pelajar	12	(a) Pelajar tidak dibenarkan bersekedudukan dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah (b) Sebarang aktiviti yang melibatkan lelaki dan perempuan hendaklah mendapat kebenaran daripada HEPA
Aktiviti perniagaan di dalam Universiti	13	(a) Tiada sebarang perniagaan boleh dijalankan di dalam kawasan Universiti melainkan dengan kebenaran daripada HEPA (b) Jualan barang terlarang seperti rokok, vape, minuman arak dan yang memabukkan, makanan tidak Halal dan apa-apa barangan yang menyalahi undang-undang Negara adalah tidak dibenarkan sama sekali (c) Sebarang aktiviti perniagaan perlu mendapatkan kebenaran daripada HEPA dan tertakluk kepada undang-undang semasa

BAHAGIAN	II	ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI
Penampilan Diri (Pelajar Lelaki)	14	Pelajar Lelaki Pelajar mestilah: (a) berpakaian menutup aurat, kemas, sopan dan bersih pada setiap masa (lihat Lampiran A 1) (b) memakai pakaian rasmi yang sesuai apabila menghadiri aktiviti akademik dan majlis rasmi di dalam atau di luar Universiti (c) berpakaian rasmi kemas berurusan dengan pihak Universiti (d) memasukkan kemeja ke dalam seluar kecuali baju batik (e) memakai pakaian sukan yang sesuai dan menutup aurat (f) memakai kasut berwarna gelap dan berstoking apabila menghadiri aktiviti akademik dan majlis rasmi di dalam atau di luar Universiti Walaupun bagaimanapun, pelajar adalah digalakkan berpakaian rasmi ketika berurusan dengan pihak Universiti seperti berikut : • Berkemeja lengan panjang dan bertali leher • Berseluar slack berwarna gelap (tidak ketat) • Berkasut dan lengkap berstoking
Larangan Ke Atas Penampilan Diri Dan Etika Pakaian Pelajar Lelaki	15	Pelajar tidak dibenarkan: (a) menyimpan rambut yang panjang atau mengkerintingkan rambut atau berfesyen ganjil atau mewarnakan rambut (rujuk Lampiran A 1) (b) memakai subang, rantai leher, subang hidung, rantai/gelang tangan atau aksesori yang tidak sesuai; (c) memakai kain pelikat / sarung, sandal atau selipar ketika menghadiri majlis atau urusan rasmi; (d) memakai pakaian yang bertampal atau pakaian-pakaian yang mempunyai gambar atau perkataan yang menjelikan; (e) memakai baju singlet atau baju tidak berlengan kecuali dalam bilik asrama ; (f) memakai baju-T, segala jenis jeans, topi atau bandana semasa menghadiri aktiviti akademik atau majlis rasmi di dalam dan di luar Universiti ; (g) memakai seluar yang lusuh, berwarna-warni, bertampal, ketat atau koyak ; (h) menghias diri dan berperwatakan menyerupai perempuan ; (i) menyimpan kuku panjang dan menghias kuku seperti perempuan
Penampilan Diri Pelajar Perempuan	16	Pelajar Perempuan Pelajar mestilah : (a) berpakaian menutup aurat, longgar, kemas, sopan dan tidak jarang atau nipis dan bersih apabila menghadiri aktiviti akademik dan majlis atau urusan rasmi di dalam atau di luar Universiti (lihat lampiran A 2) ; (b) memakai pakaian sukan yang bersesuaian dan menutup aurat; (c) memakai kasut bertutup (bertutup jari) dan berstoking apabila menghadiri aktiviti akademik dan majlis rasmi di dalam atau di luar Universiti (lihat lampiran A 2). (d) Bertudung labuh (lihat lampiran A 2) (e) Memakai anak tudung, kain dalam dan sarung lengan.

		Walaupun bagaimanapun, pelajar hendaklah memakai alas baju dalam (inner) dan kain dalam sekiranya pakaian tersebut nipis dan jarang.
Larangan Ke Atas Etika Pakaian Dan Penampilan Diri Pelajar Perempuan	17	Pelajar tidak dibenarkan: (a) berpakaian jarang, ketat atau mengikut bentuk badan atau pakaian yang mempunyai gambar atau perkataan-perkataan yang menjelikkan; (b) memakai niqab (menutup muka atau purdah) di dalam kawasan Universiti bagi tujuan urusan dan majlis rasmi (c) memakai pakaian terbelah, atau blaus atau baju -T yang berpotongan terdedah ; (d) memakai skirt kecuali di dalam bilik asrama (e) memakai baju tidur, baju -T tidak berlengan atau blaus tidak berlengan kecuali di dalam bilik asrama; (f) memakai baju -T, blaus berlengan pendek, topi atau bandana dan seluar panjang atau jeans semasa menghadiri kuliah, aktiviti akademik dan majlis rasmi di dalam dan di luar Universiti ; (g) bersolek secara keterlaluan dan mewarnakan rambut; (h) memakai barang-barang kemas atau perhiasan lebih daripada yang diperlukan; (i) menghias diri dan berperwatakan menyerupai lelaki; (j) menyimpan kuku panjang dan menghias atau mewarnakan kuku

ASRAMA

BAHAGIAN	III	PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI
Penempatan Asrama Atas Budi Bicara Universiti	18	Seseorang pelajar menetap di asrama atas budi bicara pihak Universiti. Pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) berhak membenarkan atau tidak membenarkan mana pelajar menetap di asrama dengan alasan tertentu.
Asrama Perempuan Adalah Kawasan Larangan Kepada Pelajar Lelaki Dan Sebaliknya	19	Asrama perempuan adalah kawasan larangan bagi pelajar lelaki dan sebaliknya.
Tidak Dibenarkan Bertukar Bilik	20	Jika seseorang pelajar diperuntukkan sebuah bilik untuk tinggal oleh pihak Universiti, ia tidak boleh berpindah ke mana-mana bilik tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pihak Universiti.
Mematuhi Arahan Untuk Berpindah Bilik	21	Pelajar mestilah mematuhi arahan untuk mengosongkan atau berpindah bilik sekiranya diminta berbuat demikian oleh pihak berkuasa Universiti.
Memasuki Atau Berada Dalam Bilik Pelajar Lain	22	(a) Tidak dibenarkan memasuki atau berada dalam bilik pelajar lain kecuali dengan izin penghuni bilik bagi tujuan bertamu. (b) Tidak seseorang boleh memasuki atau berada dalam bilik yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar itu sendiri dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah dipakai bagi kakitangan Universiti dengan maksud menjalankan tugas kewajipan atau tanggungjawab atau sesiapa berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Universiti. Dan selanjutnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai larangan seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang pelajar menetap dari jantina yang sama untuk lawatan bagi maksud sosial biasa.
Melakukan Kerosakan Pada Asrama	23	(a) Seseorang pelajar dilarang melakukan sesuatu kerosakan yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan mana-mana bahagian kawasan atau kepada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya ; (b) seseorang pelajar boleh didenda di atas kehilangan atau kerosakan kepada kemudahan berdasarkan kadar kompaun yang ditetapkan. (c) Setiap pelajar bertanggungjawab atas keselamatan harta benda Universiti. Mana mana pelajar yang merosakkan atau menyebabkan kerosakan atas harta benda atau kawasan Universiti atau mana mana barang atau lekapan Universiti telah melakukan kesalahan disiplin. Universiti berhak menuntut ganti rugi berdasarkan harga pasaran semasa tanpa memanggil pelajar tersebut untuk perbicaraan ;
Berada Di Luar Blok Pada Waktu Malam	24	Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di luar blok asrama selepas jam 12 malam hingga 5 pagi tanpa kebenaran pihak berkuasa Universiti.

Keluar Dan Masuk Universiti Pada Hari Minggu, Hujung Minggu Dan Hari Cuti Am	25	(a) Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan keluar masuk yang ditetapkan oleh pihak Universiti; (b) Pelajar dikehendaki pulang ke Universiti selewat lewatnya pada pukul 7 malam. (c) Peraturan keluar dan masuk ini terpakai kepada semua pelajar yang menetap di semua asrama Universiti.
Keluar dan masuk Universiti pada hari bekerja	26	Pelajar dibenarkan keluar dan masuk Universiti bermula jam 7 pagi hingga 7 malam. Bagi urusan keperluan atau kecemasan sila dapatkan kebenaran daripada pihak HEPA atau pihak yang diberikuasa oleh HEPA untuk memberi kebenaran
Bermalam Di Luar Asrama	27	(a) Seseorang pelajar yang ingin bermalam di luar asrama mestilah mendapatkan kebenaran bertulis pihak berkuasa Universiti. (b) Seseorang pelajar menetap tidak dibenarkan bermalam di luar kawasan asrama pada hari Isnin hingga Jumaat, tanpa kebenaran pihak Universiti kecuali pada hari cuti am.
Tanggungjawab Pelajar Di Asrama	28	Seseorang pelajar mestilah : (a) sentiasa mematuhi semua tuntutan agama ; (b) menunaikan solat lima waktu secara berjemaah di masjid; (c) menghadiri program yang dianjurkan oleh pihak Universiti dan asrama ; (d) bertanggungjawab atas kebersihan bilik dan blok asrama; (e) melaporkan dengan segera kepada pihak Universiti. sekiranya didapati mana-mana pelajar menghidapi atau disyaki mengidap penyakit berjangkit; (f) melaporkan dengan segera kepada pihak Universiti hal-hal keselamatan, kerosakan dan salah laku pelajar ; (g) mematikan suis peralatan elektrik sebelum meninggalkan bilik di asrama ; (h) pada hujung semester, memulangkan kunci bilik asrama ke bahagian HEPA (khususnya pengurusan asrama apabila meninggalkan Universiti atau tamat pengajian ; (i) menutup lampu bilik selewat lewatnya pada pukul 1.00 pagi; (j) Sentiasa mematuhi semua arahan atau peraturan bertulis Universiti dari semasa ke semasa.
Larangan Di Asrama	29	Seseorang pelajar tidak dibenarkan : (a) berada di asrama sewaktu kuliah / tutorial dijalankan; (b) meninggalkan barang hak milik persendirian didalam asrama ketika cuti; (c) semasa cuti pertengahan semester, cuti semester atau bila-bila masa yang ditentukan oleh pihak berkuasa Universiti, menginap di asrama tanpa kebenaran bertulis dari pihak berkuasa Universiti ; (d) mengalih atau memindah atau mengubahkan mana-mana alat atau kemudahan asrama tanpa kebenaran pihak berkuasa Universiti terlebih dahulu; (e) mengubahkan atau memasang dan menambah mangga atau kunci di mana-mana bilik ;

		(f) menampal atau menyangkut atau melukis atau mempamerkan apa-apa yang boleh menyebabkan kerosakan ke atas bilik asrama atau kawasan asrama ; (g) membawa masuk atau memiliki, atau menggunakan mana-mana peralatan elektrik atau elektronik yang tidak diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti ; (h) pada bila-bila masa, dengan apa cara menyebabkan sebarang kekecohan; (i) membawa masuk atau memelihara haiwan termasuk haiwan peliharaan di asrama ; (j) menggantung atau menyidai pakaian di koridor atau di tempat awam atau mana-mana tempat dalam kawasan asrama kecuali di tempat yang ditentukan oleh pihak berkuasa Universiti; (k) membawa masuk pelajar lain atau orang lain atau membenarkan memasuki atau menumpang di bilik asrama; (l) mendedahkan aurat di dalam dan di luar asrama; (m) membawa peralatan muzik atau sebarang peralatan yang dilarang oleh pengurusan asrama ; (n) membawa, menyimpan, memiliki atau mempunyai apa-apa kenderaan di dalam Universiti (o) melanggar peraturan dan arahan bertulis yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
Pihak Berkuasa Universiti Diberi Kuasa Untuk Mengambil Tindakan	30	Pihak berkuasa Universiti boleh mengenakan hukuman serta merta ke atas mana-mana pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan Universiti.

PERATURAN LALU LINTAS

Semua pelajar yang memandu kenderaan di dalam Universiti adalah tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

BAHAGIAN	IV	PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI
Kelulusan Bertulis Untuk Pelajar Menyimpan Dan Memiliki Kenderaan Di Universiti	31	(a) seseorang pelajar yang bercadang hendak menyimpan, memiliki atau mempunyai apa-apa kenderaan di dalam Universiti mestilah memohon dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa Universiti; (b) permohonan itu hendaklah dibuat oleh pelajar di Universiti secara bertulis, dengan menyatakan jenis kenderaan dan disertai dengan perkara-perkara berikut: - Surat kebenaran dari ibu/bapa/penjaga; - Satu salinan pekat cukai jalan; - Satu salinan lesen memandu pemohon yang sah; - Satu salinan kad pengenalan pemohon; (c) pekat kenderaan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti hendaklah sentiasa dipamerkan pada kenderaan supaya mudah dilihat; (d) pihak berkuasa Universiti berhak menolak apa-apa permohonan atau menarik balik kelulusan di bawah kaedah ini pada bila-bila masa tanpa mengemukakan sebarang alasan; (e) permohonan hendaklah diperbaharui setiap tahun di awal sesi pengajian ; (f) Pihak berkuasa Universiti berhak mengunci tayar kenderaan yang tidak mempunyai pekat kenderaan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti. (g) kenderaan yang digunakan tidak mengeluarkan bunyi yang mengganggu ketenteraman orang ramai. (h) pihak Universiti tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan/kerosakan kenderaan semasa berada di Universiti; (i) pihak Universiti tidak bertanggungjawab terhadap kerosakan pada kenderaan yang berlaku selepas proses penguncian tayar dijalankan
Pihak Berkuasa Universiti Diberi Kuasa Untuk Mengambil Tindakan	32	Pihak berkuasa Universiti boleh mengenakan hukuman serta merta ke atas mana-mana pelajar dan /atau kenderaan yang didapati melanggar mana-mana peraturan lalulintas Universiti.
Had Laju	33	Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kenderaan dalam Universiti melebihi had laju yang ditetapkan.
Kenderaan Hendaklah Dipandu Hanya Atas Laluan Bagi Kenderaan	34	(a) Pelajar hanya dibenarkan memandu di laluan kenderaan sahaja. (b) Pelajar tidak dibenarkan memandu di lorong pejalan kaki, siar kaki berturap, bahu jalan, tepi rumput, atau lain-lain tempat sama ada di sisi laluan bagi kenderaan atau selainnya yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan khas untuk laluan bagi kenderaan.

Memandu Kenderaan Di Atas Lorong Dan Sebagainya	35	Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kenderaan di atas koridor, beranda, kaki lima, di atas halaman berkepung atau daripada mana-mana bangunan.
Meletak Kenderaan Secara Menghalang	36	Tiada seseorang pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang boleh menyebabkan halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain.
Penggunaan Ruang Letak Kenderaan Yang Ditentukan	37	Jika sesuatu ruang letak kenderaan telah ditentukan, mana-mana pelajar dilarang meletakkan kenderaan yang lain dalam ruang letak kenderaan itu.
Membonceng	38	(a) seseorang pelajar yang memandu motosikal tidak boleh membawa lebih dari seorang pembonceng; (b) pembonceng mestilah dari jantina yang sama.
Menumpang motokar	39	Pelajar dilarang menaiki kenderaan secara berdua-duaan berlainan jantina sehingga menimbulkan syak wasangka.
Arahan Lalu Lintas Hendaklah Dipatuhi	40	Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas.
Mengemukakan Lesen Memandu Apabila Diminta	41	Seseorang pelajar yang memandu atau mengawal lesen sesebuah kenderaan hendaklah membawa lesen memandu yang masih sah dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) atau pindaan dan mengemukakannya untuk diperiksa oleh pihak berkuasa Universiti apabila dikehendaki berbuat demikian.
Halangan Kepada Aliran Lalu Lintas	42	Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan lalu lintas yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar dan teratur di dalam Universiti.
Penerapan Peraturan-Peraturan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) Atau Pindaannya Dalam Universiti	43	(a) Peraturan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) atau pindaannya dan semua perundangan kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dipakai bagi pelajar di dalam Universiti seolah-olah jalan-jalan di dalam Universiti adalah jalan awam dalam Malaysia dan kesalahan di bawah ordinan tersebutnya itu adalah kesalahan-kesalahan tatatertib berhubung dengan pelajar dan boleh dikenakan hukuman sebagai kesalahan tatatertib Universiti dan oleh yang demikian tiap-tiap pelajar hendaklah mematuhi peraturan-peraturan itu di dalam Universiti; (b) Tiada apa-apa jua di dalam perenggan (a) boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain di dalam Universiti kerana apa-apa kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) atau pindaannya dan apa-apa perundangan kecil yang dibuat di bawahnya.

PROSEDUR TATATERTIB

BAHAGIAN	V	JAWATANKUASA LEMBAGA DISIPLIN PELAJAR (UNIQSAAS)
Jawatankuasa Lembaga Disiplin (JLD) Pelajar UNIQSAAS	44	(a) Prosedur tindakan tatatertib pelajar adalah digunapakai. (b) Jawatankuasa Lembaga Disiplin pelajar UNIQSAAS terdiri daripada i) Timbalan Naib Canselor HEPA ; ii) Penolong Pendaftar HEPA ; iii) Ketua Unit Disiplin Pelajar, Dekan, Ketua Jabatan berkenaan, Pegawai Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Kaunselor atau mana-mana pegawai yang sesuai mengikut budi bicara pengerusi. Timbalan Naib Canselor HEPA sebagai Pengerusi. (c) Korum untuk prosedur tatatertib terdiri daripada 5 orang ahli jawatankuasa tatatertib termasuk Pengerusi. (d) bidang kuasa jawatankuasa tatatertib adalah seperti berikut : i) Mengenalpasti sama ada kesalahan di bawah kategori A dan B di mana kategori A adalah kesalahan-kesalahan berat (rujuk Jadual 2) dan kategori B kesalahan sederhana berat (rujuk Jadual 3) ii) Mengenalpasti dan menetapkan hukuman untuk kesalahan-kesalahan berat dan sederhana berat dan kompaun yang dikenakan. iii) Menjalankan prosedur perbicaraan untuk kesalahan-kesalahan berat atau sederhana berat. iv) berkuasa menentukan apa-apa kelakuan yang dianggap sebagai kesalahan mengikut peraturan-peraturan.
Notis Kepada Tertuduh Untuk Memberi Penjelasan Dan Kegagalan Menampil Ke Hadapan Jawatankuasa Lembaga Disiplin (JLD)	45	(a) Jika pada pendapat JLD seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib dalam kategori A atau B, pihak JLD hendaklah secara bertulis memanggil pelajar berkenaan hadir di mesyuarat JLD pada suatu tarikh dan masa yang ditentukan; (b) notis untuk menghadirkan diri dihantar kepada pelajar tidak kurang daripada 3 hari bekerja dari tarikh perbicaraan tatatertib diadakan dengan menyatakan semua tuduhan-tuduhan; (c) Jika notis tidak dapat disampaikan kepada pelajar, notis tersebut akan ditampal di biliknya atau di papan kenyataan Universiti atau dihantar ke alamat rumahnya. (d) Jika tertuduh gagal hadir ke hadapan JLD mengikut kehendak di bawah perenggan (a) ia hendaklah serta merta berkaitan dengan itu digantung dan penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawarkan untuk hadir untuk hadir di hadapan JLD pada tarikh dan masa yang ditentukan selepas pelajar itu telah menawarkan untuk hadir di hadapan JLD. (e) Jika penggantungan didapati perlu JLD berkuasa untuk menjatuhkan hukuman-hukuman berikut : i) Penggantungan daripada asrama ii) Penggantungan daripada kesemua kemudahan-kemudahan Universiti.

Saksi/Dokumen Daripada Tertuduh	46	Tertuduh juga boleh memberi keterangannya atau memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen pembelaan dirinya. Pihak JLD boleh menyoal tertuduh itu atau mana-mana daripada saksi-saksinya dan memeriksa mana-mana dokumen atau bahan yang dikemukakan.
Perbicaraan Tanpa Kehadiran Tertuduh	47	(a) Perbicaraan boleh dijalankan dan hukuman boleh diputuskan tanpa kehadiran tertuduh sekiranya tertuduh tidak hadir tanpa alasan munasabah; (b) Perbicaraan boleh ditangguhkan sekiranya tertuduh tidak hadir dengan alasan munasabah bertulis. (c) Penangguhan perbicaraan atas alasan yang munasabah hanya dibenarkan selama 14 hari sahaja.
Perbicaraan kes mahkamah	48	Mana-mana pelajar yang dituduh dengan kesalahan bagi kes jenayah dan jenayah syariah hendaklah digantung pengajian sehingga keputusan mahkamah diputuskan. (Hendaklah dibaca bersama para tuduhan)
Edaran Keputusan Perbicaraan	49	Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib, Pengerusi JLD boleh menghantar satu salinan keputusan perbicaraan tatatertib kepada ibu bapa atau penjaga pelajar, fail peribadi pelajar, Naib Canselor Universiti dan penaja/penganjur.
Pengumuman Keputusan Perbicaraan	50	Selepas mendengar saksi-saksi itu dan memeriksa dokumen-dokumen atau bahan-bahan lain yang dikemukakan di hadapannya, JLD hendaklah mengumumkan secara bertulis keputusannya dalam kes itu tidak lebih daripada dari tarikh keputusan perbicaraan dibuat.
Hukuman Tatatertib	51	Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas mana-mana kesalahan tatatertib akan dikenakan mana-mana satu atau hukuman-hukuman yang sesuai disatukan sekali daripada hukuman-hukuman yang berikut: a) Amaran; b) Membayar denda tidak melebihi RM500.00 untuk setiap kesalahan; c) Penggantungan daripada mana-mana atau kesemua; kemudahan-kemudahan Universiti selama tempoh yang ditetapkan; d) Penggantungan daripada Universiti selama tempoh yang ditetapkan; e) Disingkirkan daripada Universiti ; f) Mana-mana satu hukuman yang JLD anggap sesuai.
Pembayaran Denda/Kompaun	52	Denda/kompaun mesti dijelaskan di bahagian kewangan Universiti dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh denda dikeluarkan.
Kegagalan Mematuhi Hukuman Yang Dikenakan	53	Seseorang pelajar yang didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman tetapi gagal mematuhi hukuman yang telah ditetapkan, ia boleh serta merta berikutan dengan itu digantung pengajian dan tidak dibenarkan menggunakan mana-mana kemudahan Universiti selama tempoh yang ditetapkan.

Keluar Daripada Kawasan Universiti Setelah Disingkirkan	54	Sekiranya seseorang pelajar disingkir atau digantung dari Universiti, ia hendaklah keluar dari kawasan Universiti dalam masa 48 jam setelah ia menerima notis berkenaan. Pihak Universiti berhak menghantar pelajar pulang sekiranya difikirkan perlu.
Jawatankuasa Rayuan Pelajar (JRP)	55	JRP dianggotai oleh 5 orang, Naib Canselor sebagai Pengerusi dan 4 orang yang dilantik oleh Naib Canselor. Keanggotaan JRP adalah seperti berikut : i) NC (Sebagai Pengerusi) ; ii) TNC HEPA ; iii) TNCA ; iv) PUU ; v) KAUNSELOR. Korum untuk prosedur rayuan terdiri daripada 3 orang ahli JRP termasuk Pengerusi.
Menfail Rayuan Dan Penangguhan Hukuman	56	(a) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan JLD, dia boleh membuat rayuan bertulis dan menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan itu kepada pengerusi JRP dalam masa 14 hari dari tarikh surat yang telah dikeluarkan oleh JLD; (b) Dalam kes tersebut; pelaksanaan hukuman tidak berkuatkuasa sehingga JRP mengumumkan keputusannya.
Rayuan Tidak Diterima	57	Jika permohonan rayuan tidak diterima dalam masa 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan oleh JLD, hukuman yang telah ditetapkan oleh JLD akan berkuatkuasa.
Tindakan Atas Rayuan	58	Setelah menimbang alasan-alasan rayuan itu, JLD boleh mengambil mana-mana tindakan berikut: a) Menjatuhkan hukuman yang lebih berat; b) Menolak rayuan itu dan mengekalkan keputusan JLD; c) Meringankan hukuman ; atau d) Mengarahkan perbicaraan baru.
Kehadiran Pelajar Yang Merayu	59	Pihak JRP boleh meneruskan rayuan dengan kehadiran atau tanpa kehadiran pelajar yang merayu.
Keputusan JRP	60	Keputusan JRP adalah muktamad.
Pengumuman Keputusan Rayuan	61	JRP akan mengumumkan secara bertulis keputusan rayuan pelajar kepada JLD dalam masa 3 hari bekerja dari tarikh keputusan rayuan dibuat oleh JRP dan keputusan ini akan dimaklumkan oleh JLD secara bertulis kepada pelajar yang merayu (appellant), ibu bapa atau penaja, pihak berkuasa yang memberi biasiswa dan fail peribadi pelajar.
Kuasa Diberi Kepada Kakitangan Universiti	62	Semua kakitangan Universiti dibenarkan menasihati , dan/atau menyoal mana-mana pelajar yang disyaki atau didapati telah melanggar mana-mana peraturan dan/atau memberi hukuman sewajarnya. Sekiranya perlu kakitangan boleh melaporkannya kepada bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni untuk tindakan yang sewajarnya.





UNIVERSITI AL-QURAN

AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH PAHANG

جامعة القرآن للسلطان عبد الله أحمد شاه بيهانج
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH QURANIC UNIVERSITY OF PAHANG

ايتيكا برقاكاين قلاجر

ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIQSAAS

PAKAIAN RASMI HARI RABU

SISWA

- Rambut hadapan tidak melebihi kening
- Rambut belakang tidak boleh melebihi kolar baju
- Tidak diwarnakan dan tidak berbentuk atau berfesyen luar biasa
- Tidak menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya



- Memiliki dan membawa kad matrik pelajar pada setiap masa
- Mempamerkan kad matrik pelajar pada bahagian dada

- Seluar tidak ketat serta menepati syariat

- Kasut bertutup
- Memakai stoking



UNIVERSITI AL-QURAN

AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH PAHANG

جامعة القرآن للسلطان عبد الله أحمد شاه بهانج
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH QURANIC UNIVERSITY OF PAHANG

ايتيكا برقاكاين قلاجر

ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIQSAAS

URUSAN TIDAK RASMI | SUKAN | RIADAH

SISWA

- Rambut hadapan tidak melebihi kening
- Rambut belakang tidak boleh melebihi kolar baju
- Tidak diwarnakan dan tidak berbentuk atau berfesyen luar biasa
- Tidak menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya
- Tidak ketat dan tidak jarang
- T-shirt tidak mempunyai lambing mana-mana parti politik, gambar tidak syarie, tidak mempunyai tulisan yang tidak sopan atau berbentuk sarcasm
- Seluar yang longgar
- Kasut bertutup
- Memakai stoking
- Memiliki dan membawa kad matrik pelajar pada setiap masa
- Mempamerkan kad matrik pelajar pada bahagian dada

Kod Rambut Pelajar Lelaki

1. Pelajar lelaki hendaklah :

- (a) Memastikan rambut sentiasa pendek dan tidak mencecah kolar baju
- (b) Tidak menyimpan rambut panjang atau berekor di hadapan / belakang
- (c) Memastikan rambut sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih
- (d) Tidak membuat fesyen rambut secara keterlaluan seperti bercorak (qaza')
- (e) Tidak mewarnakan rambut

2. Pelajar lelaki adalah dilarang untuk berambut panjang*, berfesyen* atau mewarnakan rambut*

3. Istilah rambut panjang berfesyen dan mewarnakan rambut bermaksud:

- (a) Di belakang - rambut menyentuh kolar baju
- (b) Di depan - rambut menutup garisan mata
- (c) Di sisi - rambut menyentuh cuping telinga dan 'sideburn' melebihi garisan tengah hidung.

Fesyen Rambut Luar Biasa: 'spikey', 'skin-cut', 'punk', atau 'tail', 'gel', "brocolly", "mouses" dan 'hairspray' tidak dibenarkan.

Mewarna Rambut: Rambut tidak boleh diwarnakan.

(LAMPIRAN A2)



UNIVERSITI AL-QURAN
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH PAHANG
جامعة القرآن للسلطان عبد الله أحمد شاه بيهانج
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH QURANIC UNIVERSITY OF PAHANG

ايتيكا برقاكاين قلاجر

ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIQSAAS

URUSAN / PROGRAM RASMI | KULIAH | KELAS | SEMINAR | PEPERIKSAAN | PERPUSTAKAAN

SISWI



ISNIN - JUMAAT SELASA RABU KHAMIS

URUSAN TIDAK RASMI | SUKAN | RIADAH



DISEDIAKAN OLEH : PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI UNIQSAAS



UNIVERSITI AL-QURAN

AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH PAHANG

جامعة القرآن للسلطان عبد الله أحمد شاه بهانج
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH QURANIC UNIVERSITY OF PAHANG

ايتيكا برقاكاين قلاجر

ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIQSAAS

PAKAIAN RASMI HARI RABU

SISWI





UNIVERSITI AL-QURAN

AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH PAHANG

جامعة القرآن للسلطان عبد الله أحمد شاه بهانج
AL-SULTAN ABDULLAH AHMAD SHAH QURANIC UNIVERSITY OF PAHANG

ايتيكا برقاكاين قلاجر

ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIQSAAS

URUSAN TIDAK RASMI | SUKAN | RIADAH

SISWI



(JADUAL 1)

SENARAI DAFTAR BARANGAN ELETRIK DAN KENDERAAN

BIL	KENDERAAN/PERALATAN ELETRIK	RM
1	Kereta	RM 10.00
2	Motorsikal	RM 5.00
3	Basikal	RM 0.00
4	Komputer & Aksesori Asas	RM 5.00
5	Pengecas Bateri	RM 5.00
6	Jug Elektrik	RM 5.00
7	Seterika	RM 5.00
8	Pengering Rambut	RM 5.00
9	Ubat Nyamuk Elektrik	RM 0.00
10	Lampu Belajar	RM 5.00
11	Lampu Tidur	RM 5.00
12	Mesin Rambut / Pencukur Elektrik	RM 5.00
13	Kipas	RM 5.00

Nota:

- Mana-mana peralatan lain yang tidak dinyatakan di atas hendaklah dirujuk kepada pengurusan asrama untuk kelulusan dan penentuan kadar bayaran
- Yuran yang dinyatakan di atas adalah untuk tempoh satu sesi pengajian (1 tahun atau kurang daripadanya)
- Pihak Universiti berhak merampas sebarang peralatan yang tidak berdaftar dan ia akan menjadi milik Universiti jika tidak dituntut pada masa yang ditetapkan (Rujuk Jawatankuasa Syariah).
- Senarai kadar yuran di atas tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa yang akan dimaklumkan oleh Universiti kepada pelajar sekiranya ada perubahan

(JADUAL 2)

SENARAI KESALAHAN BERAT DAN HUKUMAN

KOD	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
A01	Bersekedudukan dalam keadaan menimbulkan fitnah	a) Amaran bertulis dan: - Denda tidak melebihi RM500, atau - Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau; - Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau; - Kesemua di atas. b) Ditamatkan pengajian
A02	Minum atau memiliki sebarang jenis minuman keras/memabukkan di dalam kawasan Universiti	a) Amaran bertulis dan: - Denda tidak melebihi RM500, dan; - Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau; - Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau - kesemua di atas. b) Ditamatkan pengajian
A03	Menimbulkan isu-isu sensitif atau membangkitkan sentimen yang menyebabkan kekacauan dan perpecahan	a) Amaran bertulis, dan: - Denda tidak melebihi RM500, atau - Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau - Gantung pengajian maksimum 2 semester atau; b) Ditamatkan pengajian
A04	Mengadakan demonstrasi atau tunjuk perasaan dan mengganggu ketenteraman awam	Amaran bertulis, dan - Denda tidak melebihi RM 500, dan - Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau - Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau - kesemuanya di atas atau; - Ditamatkan pengajian
A05	Angkat puak /bergaduh atau memeras ugut	Amaran bertulis, dan - Denda tidak melebihi RM 500, dan; - Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau; - Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya di atas atau; - Ditamatkan pengajian.
A06	Berjudi/bertaruh	Amaran bertulis, dan - Denda tidak melebihi RM500, dan; - Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selarna tempoh ditetapkan, atau; - Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau - kesemuanya di atas, atau; - Ditamatkan pengajian

A07	Memiliki, menyimpan, menjual, mengedar, dan memasukkan apa-apa jenis dadah, ganja dan pil-pil yang dilarang	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau iii. kesemuanya di atas, atau iv. Ditamatkan pengajian, atau kesemuanya di atas
A08	Mencederakan pelajar atau kakitangan Universiti	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan; ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau; iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau; iv. kesemuanya di atas, atau; v. Ditamatkan pengajian
A09	Menyimpan, mengedar atau memiliki bahan lucah / porno	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan; ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan. atau; iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau; iv. kesemuanya diatas, atau; v. Ditamatkan pengajian
A10	Menyimpan, memiliki senjata berbahaya dan salah di sisi undang-undang negara	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya diatas, atau iv. Ditamatkan pengajian
A11	Mencabul kehormatan orang lain	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya diatas, atau iii. Ditamatkan pengajian, atau kesemuanya di atas
A12	Melakukan ragging, buli, ugutan terhadap pelajar dan kakitangan	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya di atas, atau iv. Ditamatkan pengajian
A13	Mencuri, memiliki, menyimpan barang-barang curi serta mencuri harta benda Universiti, pelajar atau kakitangan Universiti	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya di atas, atau iv. Ditamatkan pengajian

A14	Melakukan gangguan seksual terhadap orang lain sama ada di dalam atau di luar Universiti	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya di atas, atau iv. Ditamatkan pengajian
A15	Melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral seperti berkhawat, berzina, perlakuan seks luar tabii, perbuatan LGBT, bersekedudukan, mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah, menawarkan apa-apa khidmat yang menjurus kepada perlakuan khalwat atau zina serta yang seumpama dengannya atau sebarang salah laku sedemikian di dalam dan di luar Universiti	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500, dan ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya di atas, atau iv. Ditamatkan pengajian
A16	Melakukan tingkah laku lucah	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM 500, dan ii. Dilarang menggunakan kemudahan Universiti dan asrama selama tempoh ditetapkan, atau iii. Gantung pengajian maksimum 2 semester, atau kesemuanya di atas, atau iv. Ditamatkan pengajian
A17	Meninggalkan solat, puasa	Amaran bertulis, dan i. Denda tidak melebihi RM500 bagi setiap waktu yang ditinggalkan

Nota:

Jawatankuasa Lembaga Disiplin (JLD) berhak mengklasifikasikan mana-mana kesalahan yang tidak disebutkan di atas. Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas mana-mana kesalahan tata tertib akan dikenakan mana-mana satu atau hukuman-hukuman yang sesuai ATAU disatukan sekali daripada hukuman-hukuman yang berikut:

- a) Amaran
- b) Membayar denda tidak melebihi RM500 untuk setiap kesalahan
- c) Penggantungan daripada mana-mana atau kesemua kemudahan-kemudahan Universiti selama tempoh yang ditetapkan
- d) Penggantungan daripada Universiti selama tempoh yang ditetapkan
- e) Disingkirkan dari Universiti
- f) Hukuman tarbiah
- g) Mana-mana satu hukuman yang jawatankuasa tata tertib pelajar UNIQAAS dianggap sesuai
- h) Mana-mana pelajar yang diterima rayuannya setelah ditamatkan pengajian akan dikenakan hukuman denda seperti (a) hingga (f)

(JADUAL 3)

SENARAI KESALAHAN SEDERHANA BERAT DAN HUKUMAN

KOD	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
B01	Menjadi Ahli Pertubuhan Haram	Amaran bertulis dan • Denda tidak melebihi RM500, atau • Digantung pengajian tidak melebihi dua semester, atau kedua-duanya sekali.
B02	Berkelakuan Tidak Sopan	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM 500
B03	Menceroboh/Berada Di Kawasan Larangan	Amaran bertulis dan • Denda tidak melebihi RM 500
B04	Berkelakuan Biadap Terhadap Kakitangan Universiti Yang Bertugas	Amaran bertulis dan Denda tidak melebihi RM500, atau • Digantung pengajian tidak melebihi 2 semester, atau • Ketiga-tiganya sekali
B05	Mengutip Derma Tanpa Kebenaran Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM500
B06	Mengendalikan Aktiviti Tanpa Kebenaran Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM500
B07	Mengadakan Perhimpunan Tanpa Kebenaran Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM500
B08	Menjalankan Aktiviti Perniagaan Di Dalam Kawasan Universiti Tanpa Kebenaran	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM500
B09	Merosakkan Harta Benda Pelajar Atau Harta Benda Kakitangan Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM 500, dan • Ganti rugi berdasarkan harga pasaran, atau • Larangan daripada menggunakan kemudahan Universiti bagi tempoh yang ditetapkan, atau • kedua-duanya sekali
B10	Melakukan kecuaiian Menyebabkan Kerosakan Atau Kehilangan Harta Benda Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM 500, dan • Ganti rugi berdasarkan harga pasaran, atau • Larangan menggunakan kemudahan Universiti bagi tempoh yang ditetapkan, atau • kedua-duanya sekali
B11	Membohongi Pihak Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM500

B12	Gagal Mematuhi Arahan Rasmi Bertulis Daripada Pegawai Atau Kakitangan Universiti	Amaran bertulis, dan • Denda tidak melebihi RM500
B13	Gagal Menyelesaikan Hutang Akibat Kesalahan-Kesalahan Dan Kompaun Yang Telah Dikenakan	Amaran bertulis, dan • Larangan menggunakan kemudahan Universiti bagi tempoh yang ditetapkan

Nota :

Jawatankuasa disiplin berhak mengklasifikasikan mana-mana kesalahan yang tidak disebutkan di atas. Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas mana-mana kesalahan tatatertib akan dikenakan mana-mana satu atau hukuman-hukuman yang sesuai ATAU disatukan sekali daripada hukuman-hukuman yang berikut:

- a) Amaran bertulis
- b) Membayar denda tidak melebihi RM500 untuk setiap kesalahan
- c) Penggantungan daripada mana-mana atau kesemua kemudahan-kemudahan Universiti selama tempoh yang ditetapkan
- d) Penggantungan daripada Universiti selama tempoh yang ditetapkan
- e) Disingkirkan dari Universiti
- f) Mana-mana satu hukuman yang jawatankuasa tatatertib pelajar UNIQSAAS anggap sesuai

(JADUAL 4)

SENARAI KESALAHAN RINGAN DAN KADAR KOMPAUN

KOD	KESALAHAN	KOMPAUN (RM)
C01	Memiliki atau menggunakan peralatan elektrik yang tidak didaftarkan (perampasan)	RM20.00 - RM 50.00
C02	Memiliki atau menggunakan peralatan elektrik yang tidak dibenarkan (perampasan)	RM50.00
C03	Menyebabkan tandas tersumbat (setiap pelajar)	RM 50.00
C04	Makan/minum di perpustakaan, makmal komputer, makmal bahasa	RM20.00
C05	Menyidai baju di tempat-tempat yang tidak dibenarkan (perampasan)	RM 20.00 – RM50.00
C06	Gagal menyimpan/meletakkan kasut,selipar atau apa-apa alas kaki di tempat yang disediakan(perampasan)	RM 20.00
C07	Membazir air atau elektrik	RM 50.00
C08	Menjejaskan kebersihan Universiti/asrama	RM 50.00
C09	Lewat menghadiri aktiviti Universiti atau majlis rasmi	RM 20.00 – rm 50.00
C10	Tidak menghadiri kuliah, tutorial dan aktiviti Universiti atau majlis rasmi	RM20.00 – RM 50.00
C11	Tidak mematuhi etika berpakaian Universiti	RM 20.00
C12	Melekat notis, poster di tempat yang dihaskan tanpa kebenaran	RM 50.00
C13	Mengganggu ketenteraman awam	RM20.00 – RM50.00
C14	Bertukar bilik tanpa kebenaran (termasuk pindah ke bilik asal)	RM20.00 – RM 50.00
C15	Meletak kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan	RM 50.00
C16	Tidak mempamerkan pelekat kenderaan atau surat kebenaran membawa kenderaan	RM 50.00
C17	Menambah kunci di pintu bilik, almari tanpa kebenaran	RM50.00
C18	Menambah atau mengubah suai barangan eletrik di asrama tanpa kebenaran	RM30.00
C19	Membenarkan orang luar masuk ke kawasan asrama tanpa kebenaran	RM30.00
C20	Merosakkan harta benda asrama atau Universiti	RM30.00
C21	Membawa masuk atau memelihara haiwan di asrama	RM30.00
C22	Pulang ke asrama selepas waktu yang dibenarkan	RM50.00
C23	Membenarkan orang di luar bermalam di bilik	RM50.00
C24	Tidak memulangkan kunci bilik	RM20.00
C25	Memiliki dan/membawa kenderaan di Universiti tanpa kelulusan (tiada pelekat/sticker rasmi)	RM40.00
C26	Bermalam di luar Universiti tanpa kebenaran	RM 100.00
C27	Tinggal di asrama semasa cuti semester tanpa mendapat kebenaran Universiti	RM 100.00
C28	Merokok dan / memiliki rokok di kawasan Universiti	RM 100.00
C29	Melakukan kesalahan lalu lintas Universiti	RM50.00
C30	Memiliki dan / bermain bunga api/mercun atau seumpamanya di dalam kawasan Universiti	RM 100.00
C31	Berpindah ke luar asrama tanpa kelulusan	RM50.00
C32	Tidak menyerah atau mengambil kad matrik / kad keluar masuk ketika keluar atau masuk Universiti	RM50.00
C33	Ponteng kuliah, perhimpunan wajib atau program wajib	RM30.00

C34	Keluar asrama tanpa kebenaran	RM50.00
C35	Berada di luar kawasan blok melebihi jam 12.00 malam	RM30.00
C36	Tidak memulangkan peralatan Universiti	RM30.00
C37	Lewat menghadiri kuliah	RM 30.00
C38	Tidak memakai kasut yang mengikut standard yang ditetapkan	RM 30.00
C39	Tidak menulis nama di buku keluar masuk Universiti	RM30.00
C40	Meninggalkan bilik tidur, tidak menutup suis lampu, kipas, paip air, tingkap, membazir air dan elektrik	RM 30.00
C41	Membiarkan bilik kotor	RM 20.00 – RM 50.00

NOTA :

Pihak berkuasa Universiti berhak mengklasifikasikan mana-mana kesalahan yang tidak disebut di atas dan mengenakan jumlah kompaun tertentu.

Pihak berkuasa Universiti berhak mengenakan hukuman tarbiah ke atas mana-mana kesalahan mengikut budi bicara.

Pelajar dibenarkan mengemukakan rayuan bagi kompaun dikenakan tertakluk kepada budi bicara pihak berkuasa Universiti.

(LAMPIRAN B)

HUKUMAN BAGI KESALAHAN BERAT DAN RINGAN

1. Pensubahat

Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan jika ia bersubahat melakukan sesuatu kesalahan, atau bersubahat melakukan sesuatu perbuatan yang akan menjadi satu kesalahan, sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang melakukan suatu kesalahan dengan niat atau pengetahuan yang sama dengan niat atau pengetahuan pensubahatan itu.

2. Hukuman bagi subahat

Barangsiapa menyubahati sesuatu kesalahan hendaklah jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat itu, dan tiada peruntukan yang nyata dibuat oleh hukuman ini berkenaan dengan hukuman bagi subahat itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukan bagi kesalahan itu.

Huraian - sesuatu perbuatan kesalahan adalah dikata dilakukan oleh sebab subahat. Apabila ia dilakukan oleh sebab hasutan, atau pada menurut pakat jahat, atau dengan bantuan yang menjadikan subahat itu.

KATEGORI KUASA KAKITANGAN UNIVERSITI

1. Kakitangan Akademik

Kakitangan akademik bertanggungjawab mengingatkan, menasihatkan dan mengambil tindakan tatatertib ke atas mana-mana perlakuan pelajar yang menyalahi peraturan pelajar. Mereka juga berkuasa menahan mana-mana pelajar yang tidak mematuhi etika berpakaian daripada menghadiri kuliah/kelas/aktiviti atau sesi makmal

2. Kakitangan Pentadbiran

Kakitangan bahagian pentadbiran berhak menahan pelajar yang gagal mematuhi etika berpakaian dan berkelakuan yang menyalahi peraturan dari memasuki mana-mana premis Universiti dan menggunakan kemudahan Universiti. Hanya kakitangan pentadbiran dan pengurusan dalam kumpulan eksekutif ke atas boleh mengeluarkan notis kompaun kepada mana-mana pelajar yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan

3. Fellow, Penyelia Asrama Dan Ketua Unit/Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Fellow, Penyelia Asrama dan Ketua Unit/Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni bertanggungjawab memastikan peraturan ini dipatuhi dan mereka dan berperanan bagi memastikan disiplin pelajar Universiti sentiasa dalam keadaan yang baik. Fellow, Penyelia Asrama dan Ketua Unit/Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni boleh mengeluarkan notis kompaun kepada mana-mana pelajar yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan.

4. Pengawal Keselamatan

Pengawal keselamatan yang dilantik oleh pihak Universiti berkuasa mengenakan kompaun atau mengambil tindakan mencegah dan diberi kebenaran dalam keadaan-keadaan tertentu untuk menahan atau menyoal mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan termasuk merampas kad matrik mereka. Sebarang kesalahan pelajar akan direkodkan serta diserahkan kepada Unit Disiplin atau warden atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Universiti.

ADUAN ORANG AWAM

1. Orang awam turut mempunyai kuasa untuk melaporkan sebarang kesalahan yang dilakukan oleh pelajar UNIQSAAS
2. Bertindak di atas aduan yang diterima, Universiti mempunyai kuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan ke atas pelajar berkenaan.